

Bina rumah mampu milik swasta

Sebanyak 46,873 unit di seluruh Malaysia dalam tempoh tiga tahun

TUAN BUQHAI'RAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Sebanyak 46,873 unit rumah mampu milik swasta akan dibina di seluruh Malaysia dalam tempoh tiga tahun.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin berkata, rumah berkenaan dijangka dibina pada awal tahun depan dan siap sepenuhnya dalam

tempoh tiga tahun.

"Sekiranya pemaju menggunakan teknologi sistem binaan berindustri (IBS), rumah tersebut dijangka lebih cepat disiapkan kira-kira dalam tempoh setahun setengah," katanya pada sidang akhbar Pra Pelancaran Projek Perumahan Mampu Milik Swasta di sini semalam.

Menurutnya, rumah itu akan dibina oleh seramai 12 pemaju perumahan termasuk Menteri Besar Incorporated (MBI) milik kerajaan Selangor di tanah milik syarikat berkenaan.

"Walaupun pembinaannya di atas tanah persendirian tetapi lokasinya perlu strategik termasuk berdekatan sekolah dan bandar. Jika tidak, Kementerian tidak membenarkan pembinaan tersebut.

"Rumah ini dijual pada harga bawah RM300,000 mengikut lokasi, paling tinggi setakat ini sekitar RM290,000," katanya.

Beliau turut mengingatkan pemaju supaya membina rumah mengikut spesifikasi yang ditetapkan Dasar Perumahan Negara.

Selain itu, katanya, pemaju juga perlu menyediakan kemudahan seperti dewan serbaguna, surau, taman permainan dan kolam renang ke arah memberdayakan komuniti.

"Antara lokasi untuk pembangunan rumah mampu milik swasta adalah di sekitar Lembah Klang, Alor Gajah, Tuaran, Kijal dan Tawau.

"Semua rumah milik swasta mengekalkan keluasan minimum iaitu 900 kaki persegi," katanya.



FOTO: ZAHID IZZAH

Zuraida melawat rerual pameran jualan perumahan pada Pra Pelancaran Projek Perumahan Mampu Milik Swasta di Putrajaya semalam.